

**NO. SOALAN: 142**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**RUJUKAN : 8962**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah penagih dadah yang dikesan sejak 2008 hingga sekarang mengikut kategori umur dan bilangannya yang masih mengikuti pendidikan samada peringkat rendah, menengah dan tinggi daripada jumlah tersebut.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), jumlah terkumpul bilangan penagih dadah yang dikesan dari bulan Januari 2008 sehingga Februari 2016 di Malaysia adalah seramai 159,929 orang.**

**Golongan remaja berumur 18 tahun dan ke bawah merekodkan jumlah penyalahgunaan seramai 5,714 orang. Kategori belia berumur 19 tahun hingga 39 tahun, merekodkan jumlah penyalahgunaan seramai 117,172 orang dan kategori umur 40 tahun ke atas adalah seramai 36,005 orang.**

**Berdasarkan latar belakang pendidikan di kalangan penagih-penagih dadah ini, kumpulan berkelulusan LCE/SRP merupakan kumpulan tertinggi iaitu seramai 60,449 orang, diikuti oleh kumpulan MCE/SPM iaitu seramai 54,138 orang dan pendidikan rendah seramai 22,645 orang.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[KOTA RAJA]**

**TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 143**

**Dr. Hajah Siti Mariah bin Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jenis-jenis aset KTM (dibawah Perbadanan Aset Keretapi) dan berapakah peruntukan tahunan yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan aset-aset tersebut.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenis-jenis aset milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang digunakan oleh KTMB adalah merangkumi terowong, landasan & yad, grading jambatan, pembetong, sistem semboyan dan komunikasi, bangunan dan parkir, loji & jentera, sistem tiket, sistem elektrifikasi, kenderaan keretapi dan kenderaan jalanraya.

Kos keseluruhan penyelenggaraan tahunan oleh KTMB bagi tahun 2014 dan 2015 masing-masing sebanyak RM307.9 juta dan RM287.6 juta. Ianya merangkumi penyelenggaraan seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Penyelenggaraan</b>	<b>2014 (RM juta)</b>	<b>2015 (RM juta)</b>
1.	Stokereta	37.8	37.6
2.	Landasan	74.6	69.3
3.	Persempoyangan	30.2	19.6
4.	Elektrifikasi	7.9	6.7
5.	Hartanah	157.4	154.4
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>307.9</b>	<b>287.6</b>